

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Keusahawanan di Kalangan Mahasiswa: Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021- 2022

Ina Murni Hashim¹, Norulhuda Tajuddin¹, dan Siti Hasziani Ahmad¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara, Raub, Pahang.

*Koresponden: murni134@uitm.edu.my

Bidang keusahawanan merupakan antara tunjang penting dalam pembangunan sesebuah negara. Ia diakui sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi menerusi perkembangan inovasi dan kreativiti, pewujudan pelbagai peluang pekerjaan serta dapat meningkatkan daya saing sesebuah negara. Dalam menghadapi kepesatan arus globalisasi yang menyebabkan peningkatan pengintegrasian ekonomi hampir semua negara di dunia, pembangunan keusahawanan menjadi lebih kritikal dan perlu diberi penekanan yang serius.

Sejak tahun 1990-an sehingga kini, kerajaan telah menggubal pelbagai dasar yang menitikberatkan bidang keusahawanan. Pembangunan keusahawanan di Malaysia tertumpu kepada empat kumpulan sasar utama iaitu golongan pelajar, mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT), golongan belia dan juga wanita. Dalam konteks mahasiswa IPT, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merupakan peneraju utama untuk merancang dan menggerakkan aktiviti keusahawanan di kalangan mahasiswa. Penerapan budaya keusahawanan ini adalah amat penting memandangkan pasaran pekerjaan yang terhad ketika ini. Kadar penawaran buruh yang tinggi mewujudkan persaingan yang sengit dalam pasaran kerja serta meningkatkan kadar pengangguran di kalangan graduan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, berlaku peningkatan dalam jumlah siswazah yang menganggur pada tahun 2020 sebanyak 22.5 peratus menjadikan jumlah keseluruhan adalah seramai 202,400 orang. Keadaan ini menuntut mahasiswa menjadi lebih kreatif dan bijak untuk memenuhi tuntutan dan menangani cabaran yang semakin tinggi dalam pasaran buruh. Mahasiswa perlu dilatih dan dipersiapkan untuk berdikari dan boleh bekerja sendiri, malah dapat mencipta peluang pekerjaan dalam pasaran buruh yg kompetitif.

Inisiatif untuk memupuk dan menerapkan budaya keusahawanan di kalangan mahasiswa IPT bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang berkemahiran tinggi telah dimulakan sejak tahun 2010 melalui Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT. Kesenambungan usaha ini diteruskan melalui Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2013-2015 dan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020. Kini usaha tersebut dilanjutkan dan diperkukuhkan lagi melalui Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025 yang telah dilancarkan pada bulan Februari 2021. Melalui pelan ini, KPT telah menggariskan tiga teras strategi dalam landskap sistem pendidikan tinggi yang akan membantu mendorong negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Tiga teras tersebut adalah; 1) memantapkan ekosistem keusahawanan yang bersinergi dan holistik, 2) memperkasa kolaborasi keusahawanan yang berimpak tinggi dan, 3) menekankan kepada inovasi dan teknologi dalam keusahawanan [4].

Teras yang pertama iaitu ekosistem keusahawanan bersinergi boleh direalisasikan dengan memastikan hubungan yang erat terjalin antara pihak strategik termasuk pihak IPT, industri, kerajaan dan juga komuniti. Ini bagi membolehkan pendidikan keusahawanan berkembang secara holistik dan membuahkan hasil yang lebih berimpak tinggi. Teras ini mengetengahkan tiga strategi penting iaitu; 1) memperkasa sistem sokongan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan keusahawanan, 2) menghasilkan pelajar yang mampu menjana peluang pekerjaan melalui bidang keusahawanan, dan 3) meningkatkan bilangan pendidik dengan kepakaran keusahawanan.

Teras yang kedua iaitu kolaborasi berimpak tinggi menekankan kepada pemerikasaan jaringan keusahawanan antara empat pihak iaitu IPT yang terlibat, kerajaan, industri dan komuniti pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Teras ini menekankan kepada usahawan kepentingan kemahiran bekerjasama dengan orang lain. Rangkaian kenalan dan kaedah kerjasama yang digunakan usahawan akan membantu mengembangkan perniagaan mereka ke tahap seterusnya. Dua strategi digariskan bagi mencapai teras ini iaitu memupuk kerjasama melalui jaringan keusahawanan, dan menambahbaik pembiayaan permulaan untuk perniagaan pelajar.

Manakala teras yang ketiga iaitu inovasi dan teknologi dalam keusahawanan boleh dicapai melalui dua strategi yang digariskan iaitu, memberi galakan dan dorongan kepada pelajar untuk meningkatkan inovasi dan teknologi dalam keusahawanan serta menggalakkan penubuhan syarikat pemula berteraskan inovasi dan teknologi yang dipacu secara digital. Objektif utama teras ini adalah untuk memupuk pelajar menjadi usahawan siswazah dengan memanfaatkan teknologi dan inovasi. Ia bertujuan untuk menggalakkan mereka membangunkan syarikat permulaan yang berkaitan dengan inovasi, teknologi dan perniagaan digital. Ringkasnya, IPT berperanan untuk menyediakan persekitaran yang menggalakkan inovasi berterusan dan mencari jalan menyelesaikan halangan berkaitan inovasi di kalangan pelajar.

Secara umumnya, ketiga-tiga teras ini menekankan pembentukan ekosistem keusahawanan yang sinergistik dan pengukuhan kolaborasi dalam bidang keusahawanan yang berimpak tinggi antara pelbagai pihak yang strategik. Elemen inovasi dan teknologi turut diberi penekanan yang khusus oleh KPT. Ini adalah selari dengan perkembangan teknologi semasa yang menuntut usahawan peka dan mempelajarinya kekal berdaya saing dan kompetitif. Dalam konteks IPT, terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu ditangani dalam melaksanakan sebarang dasar dan program keusahawanan. Kualiti pendidikan dan keberkesanan program pembangunan keusahawanan di peringkat IPT perlu diberi penekanan dan perhatian yang khusus bagi menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif serta tenaga pengajar keusahawanan yang mempunyai kompetensi yang tinggi. Faktor ini adalah penting bagi menyuburkan minat dan motivasi mahasiswa ke arah bidang keusahawanan.

Kajian-kajian lepas telah mengenalpasti beberapa faktor yang mendorong pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan ini. Antaranya faktor motivasi seperti sokongan dari pihak institusi (contohnya seperti tenaga pengajar, kurikulum, kurikulum dan pedagogi) dan juga latar belakang pelajar itu sendiri seperti faktor bangsa dan keluarga. Manakala, pengkaji turut mengkaji faktor yang menghalang niat keusahawanan para pelajar seperti kekurangan pengalaman dan modal. Ini jelas menunjukkan bahawa besarnya peranan kurikulum pendidikan keusahawanan dan tenaga pengajar di IPT dalam membudayakan keusahawanan. Kini, keusahawanan juga telah dijadikan satu subjek yang wajib kepada semua mahasiswa sama ada yang mengambil bidang perniagaan atau bukan.

Kesimpulannya, untuk menjayakan sebarang dasar dan program keusahawanan di peringkat IPT memerlukan usaha pelbagai pihak yang strategik termasuk mahasiswa sendiri, IPT, tenaga pengajar, pihak KPT, pihak industri, ibu bapa dan masyarakat. Adalah penting juga untuk kerajaan memberi perhatian terhadap cabaran dan halangan yang dihadapi oleh para pelajar dan pelbagai pihak berkepentingan serta mengambil tindakan yang perlu terhadap segala kemungkinan yang boleh membantutkan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan.

Rujukan

1. Ab Rashid, A. H., Mupit, D. S., & Rahim, M. A. (2018). Kecenderungan Pelajar terhadap Keusahawanan di Kolej Komuniti Segamat 2. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 1(3), 31-42.
2. Amran, N., & Seman, N. A. A. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1499-1508.
3. Aziz, N. E. M., Harun, N., Esa, M. M., Yaacob, M. R., & Rahman, A. A. A. (2018). Pendidikan keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam melahirkan usahawan berjaya di Malaysia. *Journal of Business Innovation*, 3(1), 73.
4. Abd Mutalib, Z. (2021, Februari 19). 3 teras Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025. *Berita Harian Online*. Capaian pada 14 Disember 2021 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/787816/3-teras-pelan-tindakan-keusahawanan-ipt-2021-2025>
5. Mohamad H. F. (2021, Julai 27). Jumlah siswazah menganggur meningkat mendadak. *Berita Harian Online*. Capaian pada 14 Disember 2021 dari <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/843910/jumlah-siswazah-menganggur-meningkat-mendadak#.YdO1FWtvDGk.link>
6. Shamsudin, S. F. F. B., Al Mamun, A., Nawi, N. B. C., Nasir, N. A. B. M., & Zakaria, M. N. B. (2017). Factors affecting entrepreneurial intention among the Malaysian university students. *The Journal of Developing Areas*, 51(4), 423-431.
7. The number of new businesses in America is booming. (2020, Oktober 10). *The Economist*. Capaian pada 4 Januari 2022 dari <https://www.economist.com/united-states/2020/10/10/the-number-of-new-businesses-in-america-is-booming>